



KETERANGAN PINDAAN

Pindaan		Muka surat/ Klausa / Perenggan	Butir-Butir Pindaan Yang Dibuat	Pindaan Diluluskan Oleh
No	Tarikh			
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL



1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini menggariskan tatacara pihak Unit Kawalan Penyakit Berjangkit Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) dalam menjalankan aktiviti Pengauditan Program Kawalan Penyakit Berjangkit di Daerah.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan oleh pegawai di Cawangan Kawalan Penyakit Berjangkit, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya yang terlibat dalam Program Kawalan Penyakit Berjangkit.

3.0 RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti : JKWPKL&P-MK-01

4.0 DEFINISI

4.1 Program Kawalan Penyakit Berjangkit

Satu program yang merancang, menyelaras pelaksanaan dan memantau aktiviti-aktiviti bagi mengawal dan mencegah penyakit berjangkit seperti disenaraikan dalam Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (1988). Ianya bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan, mencegah penyakit dan meningkatkan kualiti kehidupan.

4.2 Pejabat Kesihatan

Mana-mana Pejabat Kesihatan (PK) yang berada di bawah Pentadbiran JKWPKL&P iaitu PK Cheras, PK Lembah Pantai, PK Kepong, PK Titiwangsa dan PK Putrajaya.

4.3 Pengauditan Program Kawalan Penyakit Berjangkit di Pejabat Kesihatan

Membuat lawatan pengauditan di Unit Kawalan Penyakit Berjangkit di Pejabat Kesihatan supaya semua kes-kes penyakit berjangkit dikendalikan mengikut Garis Panduan Kawalan Penyakit Berjangkit dan memastikan maklumat kes penyakit berjangkit dimasukkan ke dalam sistem eNotifikasi dan maklumat wabak dimasukkan di dalam sistem eWabak dan dikemaskini diruangan yang perlu dikemaskini di peringkat Pejabat Kesihatan



JKWPKL&P

5.0 SINGKATAN

5.1 Pentadbiran

JKWPKL&P	: Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
BKP	: Bahagian Kawalan Penyakit
PK	: Pejabat Kesihatan
CDC	: Unit Kawalan Penyakit Berjangkit
eNotifikasi	: Laman web Sistem eNotifikasi
eWabak	: Laman Web Sistem eWabak

5.2 Jawatan

TPK (KA)	: Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
KPPK	: Ketua Penolong Pengarah Kanan (CDC), JKWPKL&P
KPP	: Ketua Penolong Pengarah (CDC), JKWPKL&P
PP	: Pegawai Perubatan
PKP	: Pegawai Kesihatan Persekitaran
PPP	: Penolong Pegawai Perubatan
PJK	: Penyelia Jururawat Kesihatan
PPKP	: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran



JKWPKL&P

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

BIL.	AKTIVITI/ PROSES	TINDAKAN
6.1	Menyediakan jadual lawatan pengauditan ke Unit Kawalan Penyakit Berjangkit di Pejabat Kesihatan.	KPP/ PKP, CDC JKWPKL&P
6.2	Menyediakan surat makluman lawatan pengauditan kepada Pejabat Kesihatan.	KPP/ PKP, CDC JKWPKL&P
6.3	Menjalankan aktiviti pengauditan di Pejabat Kesihatan mengikut jadual yang telah ditetapkan atau berdasarkan tarikh yang dipersetujui oleh Pejabat Kesihatan.	KPP/ PP/ PKP/ PPP/ PJK/ PPKP, CDC JKWPKL&P
6.4	Menyediakan laporan pengauditan	KPP/ PKP, CDC JKWPKL&P
6.5	Menghantar laporan pengauditan kepada Pegawai Kesihatan Daerah, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Pengarah Kesihatan Negeri	KPP/ PKP, CDC JKWPKL&P

7.0 LAMPIRAN

7.1 Senarai semak audit Program Kawalan Penyakit Berjangkit

8.0 REKOD KUALITI

NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH
Jadual perancangan audit	Bilik PKP Unit CDC	3 tahun
Laporan audit di Pejabat Kesihatan	Bilik PKP Unit CDC	3 tahun

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL